

Penggayaan Emas Perhiasan dalam Majlis Keraian: Implikasi Uruf Zakat di Kelantan

[Gold Jewellery Adornment in Ceremonial Occasions: 'Urf-Based Implications for Zakat in Kelantan]

Mohd Azhar Abdullah¹, Marina Muhammad Razaki², Nurul Akma Mohamed³, Nik Adlin Nazrin Nik Mohd Adib⁴, Lokmal Hakim Che Hassan⁵

1. (Corresponding Author) Faculty of Syariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, Email: dr.azhar@kias.edu.my
2. Faculty of Management and Human Development, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, Email: marina@kias.edu.my
3. Faculty of Syariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, Email: trhea@kias.edu.my
4. Faculty of Management and Human Development, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, Email: dr.nik@kias.edu.my
5. Faculty of Syariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, Email: lokmalhakimchehassan@gmail.com

ABSTRACT

Gold jewelry is deeply rooted in the cultural identity of Kelantanese women, serving both as a beauty adornment and a long-term asset. This phenomenon has led many women to accumulate jewelry quantities that surpass the local 'urf norms. Kelantan became the last Malaysian state to set the nisab for gold jewelry at 600 grams in June 2025. The nisab across Malaysian states varies widely from 85 grams to 850 grams—causing significant discrepancies. This inconsistency raises important questions among women and academics about the research methods used to determine the 'urf of jewelry usage. This study aims to identify the patterns and norms of gold jewelry worn by Kelantanese women during ceremonial events from the perspective of jewelry traders and to analyse their tendencies in purchasing and wearing jewelry across two lifestyle categories: moderate and luxurious. The research uses a descriptive, quantitative approach involving 12 jewelry shops in ten major districts of Kelantan, selected through purposive sampling based on over ten years of industry experience. Data were collected via a structured questionnaire and analyzed using descriptive statistics in SPSS version 29.0 to determine the average weight and adornment patterns during ceremonies. Results indicate that the average weight for the moderate category is 232.3 grams, while the luxurious category averages 472.75 grams, with a combined mean of 352.54 grams. Additionally, 25% of women wear up to 500 grams of gold jewelry at ceremonial events. These patterns reflect a consistent 'urf of adornment within the local culture and offer an empirical foundation for the Kelantan Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIK) to evaluate and establish an 'urf-based zakat threshold that aligns with Kelantan's socioeconomic realities.

Keywords: Gold jewellery; gold shop; styling; uruf; Kelantan

ABSTRAK

Emas perhiasan sinonim dengan budaya wanita Kelantan, berfungsi sebagai hiasan kecantikan dan aset masa hadapan. Fenomena ini mendorong sebahagian besar wanita memiliki kuantiti emas yang melebihi uruf setempat. Kelantan merupakan negeri terakhir di Malaysia yang menetapkan nisab zakat emas perhiasan sebanyak 600 gram pada Jun 2025. Julat nisab antara negeri-negeri sangat ketara; 85

gram hingga 850 gram. Ketidakseragaman tersebut menimbulkan banyak persoalan bukan sahaja kalangan wanita tetapi ahli akademik berkaitan metodologi penyelidikan yang digunakan bagi mendapatkan uruf pemakaian emas perhiasan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti corak dan norma pemakaian emas perhiasan wanita Kelantan semasa majlis keraian berdasarkan perspektif peniaga dan menganalisis kecenderungan pembelian dan pemakaian emas perhiasan berdasarkan kategori gaya hidup sederhana dan mewah. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif melibatkan 12 kedai emas yang beroperasi di sepuluh jajahan utama di negeri Kelantan yang dipilih melalui persampelan bertujuan berdasarkan pengalaman melebihi sepuluh tahun dalam industri perdagangan emas perhiasan. Data dikumpul menggunakan soal selidik berstruktur dan dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan SPSS versi 29.0 bagi menentukan purata berat serta pola pemakaian emas semasa majlis keraian. Dapatan kajian menunjukkan purata berat gaya pertengahan ialah 232.3 gram, manakala gaya mewah 472.75 gram, dengan purata keseluruhan 352.54 gram. Selain itu, sebanyak 25% wanita memakai emas perhiasan seberat 500 gram ketika menghadiri majlis keraian. Corak ini memperlihatkan uruf pemakaian yang konsisten dalam budaya tempatan dan memberikan asas empirikal kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) untuk menilai serta menetapkan kadar uruf zakat emas perhiasan yang selaras dengan realiti sosioekonomi negeri Kelantan.

Kata Kunci: Emas perhiasan; kedai emas, pengayaan; uruf; Kelantan.

How to Cite:

Received: 15-08-2025

Accepted: 18-08-2025

Published: 30-11-2025

Abdullah, M. A., Razaki, M. M., Mohamed, N. A., Nik Mohd Adib, N. A. N., & Che Hassan, L. H. (2025). Pengayaan Emas Perhiasan dalam Majlis Keraian: Implikasi Uruf Zakat di Kelantan. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 6(2), 11–30.

1. Pendahuluan

Fenomena emas perhiasan atau barang kemas di negeri Cik Siti Wan Kembang terus berkembang mengikut peredaran zaman. Minat dan keinginan wanita negeri Kelantan membeli barang kemas tetap utuh walaupun harga emas meningkat. Kedai-kedai emas merupakan antara sektor penting yang menyumbang kepada ekonomi negeri Kelantan. Purata jualan tahunan boleh mencapai jutaan ringgit dengan kehadiran pelanggan wanita sepanjang tahun, khususnya musim cuti dan perayaan. Minat seorang wanita terhadap emas berkait rapat dengan fitrah wanita terhadap kecantikan dan juga nilai harga yang kekal pada emas perhiasan. Dalam situasi yang sama, Islam membenarkan kaum wanita memakai emas secara khusus dan mengharamkannya ke atas kaum lelaki. Seni ukiran dan hiasan permata dihiasi pada cincin, gelang tangan, rantai leher, rantai pinggang, rantai kaki, subang, kalung dan pin tudung. Pendek kata, wanita boleh berhias dengan emas dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Walau bagaimanapun, kuantiti pemilikan emas perhiasan dan jenisnya berbeza-beza mengikut kedudukan, kemampuan, tempat dan umur. Dalam keadaan yang sama, kecenderungan kaum wanita terhadap emas simpanan seperti dinar dan jongkong emas adalah amat rendah berbanding minat terhadap emas perhiasan.

Negeri Kelantan terkenal dengan penglibatan wanita dalam sektor perniagaan, terutama di pasar sejak turun-temurun. Abdullah Munsyi dalam catatannya ketika datang ke Kelantan pada 27 Mac 1838 menulis: "*Maka sahaya lihat, penuhlah pasar itu dengan perempuan dan segala yang berkedai dan berjaja itu perempuan belaka*" (Saufy Jauhary. 2022). Manakala W.A. Graham (T.th) merekodkan dalam bukunya *1908 Kelantan, A State of the Malay Peninsula: A Handbook of Information* bahawa hampir setiap rumah terdapat satu atau lebih alat tenunan yang digunakan untuk menambah pendapatan keluarga. Lazimnya, wanita yang berjual di pasar atau disebut sebagai "tok peraih" menonjolkan emas perhiasan daripada gelang tangan, cincin dan rantai leher. Budaya dan naratif ini masih kekal hingga ke hari ini walaupun tiada kajian khusus dan komprehensif dijalankan. Negeri Kelantan nampak miskin, tetapi

rakyatnya kaya, terutama wanita yang pandai berniaga. Ini dapat dilihat daripada penampilan mereka memakai emas perhiasan dan 90% peniaga di Pasar Siti Khadijah terdiri daripada kalangan wanita (Sinar Harian, 2025).

Utusan Malaysia, pada 11 Mac 2025 memetik pendapat Zulkifli Idris, Pengerusi Taman Emas Malaysia: Kegilaan wanita Kelantan atau Mek Kelate membeli emas untuk dijadikan perhiasan atau simpanan menyaksikan kira-kira 500 kilogram barangan kemas dijual setiap bulan di negeri ini. Jumlah itu menunjukkan bahawa penawaran dan permintaan barangan kemas dalam kalangan wanita Kelantan sangat tinggi berbanding negeri-negeri lain. Berpandukan kepada maklumat yang diperolehi daripada pengilang, jualan emas di Selangor dan Kuala Lumpur dalam purata 400 kilogram sahaja (Utusan Malaysia, 2025.a). Kecenderungan ini berkait rapat dengan fungsi dan kepentingan emas sebagai "pemanis tubuh" dan "aset masa depan". Malah, tinjauan Utusan Malaysia (2025.b) mendapati hampir kesemua premis yang menjual emas dipenuhi wanita Kelantan untuk membeli perhiasan tersebut walaupun harga mencapai RM444 satu gram ketika ini. Pegawai Sumber Manusia MZ Gold Sdn. Bhd., Nur Akmal Ahmad Tajuddin berkata trend pembelian sebelum dan selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri tetap rancak berlangsung meskipun harga emas sedang naik ketika ini. Dianggarkan jualan emas di Kelantan ialah RM200 juta sebulan (Malaysia Dateline, 2025). Walau bagaimanapun, tiada kajian yang komprehensif berkaitan kecenderungan atau tahap wanita menggayakan emas perhiasan, khususnya ketika majlis keraian untuk dijadikan salah satu faktor kepada menentukan uruf pemilikan emas perhiasan. Data ini boleh didapati daripada kedai-kedai emas yang menyimpan rekod jual beli dan juga berhubung secara langsung dengan kaum wanita ketika mereka membeli emas perhiasan. Kebanyakan kajian penyelidikan untuk mendapatkan uruf emas perhiasan dijalankan ke atas wanita sahaja tanpa melibatkan kedai-kedai emas secara khusus.

Kajian ini memfokuskan kepada dua objektif utama iaitu pertama mengenal pasti corak dan norma pemakaian emas perhiasan wanita Kelantan, khususnya dari segi jenis dan berat yang lazim dipakai semasa majlis keraian berdasarkan perspektif peniaga. Kedua ialah menganalisis kecenderungan pembelian dan pemakaian emas perhiasan berdasarkan dua kategori gaya hidup iaitu sederhana dan mewah dalam kalangan wanita Kelantan.

2. Sorotan Literatur

Diskusi dan penyelidikan akademik mengenai emas perhiasan di Malaysia menampakkan pelbagai dimensi yang signifikan. Penyelidikan tersebut merangkumi empat aspek utama, iaitu amalan pemakaian, tahap kefahaman, norma pemilikan dan metodologi pengiraan zakat. Majlis-majlis agama Islam negeri dan institusi pungutan zakat memberikan tumpuan khusus terhadap isu ini disebabkan tanggungjawab pelaksanaan kewajipan berzakat dan keperluan pengagihan dana secara berkesan. Kutipan zakat merupakan sumber pendapatan utama dan terpenting bagi majlis-majlis agama Islam di peringkat negeri.

Penyelidikan kuantitatif menjadi pendekatan dominan untuk menentukan kadar uruf pemilikan dan corak pemakaian emas perhiasan. Inisiatif penyelidikan ini bermula pada tahun 2008 di Negeri Sembilan yang dijalankan oleh Zulkifli Mohamad al-Bakri (2008) dan turut dilaksanakan di negeri Pahang (Halidan, PKZ Pahang, 2008). Berdasarkan kedua-dua model penyelidikan perintis ini, kajian kemudiannya diperluas ke negeri-negeri lain, termasuk Wilayah Persekutuan, Selangor (Ummi Farahin et. al., 2018), negeri Kedah (Mardzelah et al., 2021) dan negeri Pulau Pinang (Kumpulan Penyelidik UiTM, 2021).

Penyelidikan terhadap tahap kesedaran, kefahaman dan kepatuhan kaum wanita dalam menunaikan zakat emas perhiasan turut mendapat perhatian meluas. Fadilah Mat Nor, Teh Suhaila Tajuddin dan Aza Shahnaz Azman (2018) telah menjalankan kajian mengenai kesedaran dan kepatuhan golongan wanita dalam pembayaran zakat emas perhiasan di Selangor. Selain itu, terdapat penyelidikan lain yang mengkaji permasalahan

ketidakseragaman penetapan nisab zakat emas perhiasan dan kaedah pengiraannya. Muhammad Norshah Rosle, Mohd Ali Mohd Noor dan Hairunnizam Wahid (2019) telah mengusulkan penyalarsan ukuran nisab zakat emas perhiasan di Malaysia.

Namun, tiada penyelidikan yang menganalisis secara empirikal hubungan antara gaya pemakaian emas wanita dan kadar uruf zakat di Kelantan, sedangkan negeri ini mempunyai budaya pengayaan emas yang paling menonjol di Malaysia. Dalam keadaan yang sama, maklumat jual beli emas perhiasan yang disimpan di kedai emas dan pendapat kedai-kedai emas tidak diberikan perhatian oleh penyelidik sebagai data penting dalam mempertimbang uruf pemilikan atau pemakaian emas perhiasan.

Oleh yang demikian, penyelidikan mengenai corak pengayaan emas perhiasan dalam kalangan wanita negeri Kelantan berpotensi menyumbang maklumat berguna kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta Jabatan Mufti Negeri Kelantan dalam proses penetapan nisab zakat emas perhiasan. Para penyelidik juga berpeluang meneruskan kajian serupa di negeri-negeri lain bagi mengenal pasti pola pemakaian emas perhiasan wanita secara nasional.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif deskriptif yang bertujuan menerangkan corak pengayaan emas perhiasan dalam kalangan wanita Kelantan semasa majlis keraian berdasarkan data empirikal yang didapati daripada pemilik kedai emas. Reka bentuk kajian ini membolehkan pengumpulan data berbentuk angka dan statistik deskriptif bagi menjelaskan fenomena sosial secara objektif, sistematik dan boleh diukur. Pendekatan ini juga sesuai kerana ia menilai pola dan purata berat emas perhiasan yang dipakai berdasarkan maklumat sebenar daripada pemain industri emas yang berpengalaman.

Populasi kajian merangkumi semua kedai emas berlesen di negeri Kelantan, iaitu sebanyak 224 buah kedai emas yang beroperasi di sepuluh (10) jajahan utama negeri tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan memilih dua belas (12) kedai emas yang memenuhi kriteria berikut iaitu dimiliki oleh individu beragama Islam, telah beroperasi sekurang-kurangnya 10 tahun dalam industri emas perhiasan dan mempunyai pelanggan wanita tempatan yang aktif membeli atau menempah emas perhiasan untuk majlis keraian.

Satu kedai emas dipilih bagi setiap jajahan sebagai lokasi penyelidikan. Pengecualian dibuat untuk jajahan Kota Bharu dengan pemilihan tiga kedai emas berdasarkan tiga justifikasi utama. Pertama, bilangan kedai emas yang lebih tinggi; kedua, kepadatan penduduk yang lebih besar; dan ketiga, kedudukan sebagai pusat perdagangan emas perhiasan utama di negeri Kelantan. Oleh itu, jumlah keseluruhan kedai emas yang menjadi subjek kajian ialah dua belas (12) buah kedai.

Instrumen utama kajian ialah borang soal selidik berstruktur, dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan kajian literatur terdahulu serta dapatan kualitatif awal. Soal selidik ini disusun dalam empat bahagian iaitu Bahagian A (Profil Kedai Emas meliputi tempoh operasi, bilangan pekerja, jumlah jualan tahunan, dan kategori pelanggan utama); Bahagian B (Jenis dan Corak Emas Perhiasan iaitu senarai jenis barangan (gelang, rantai, subang, loket, dan lain-lain serta kekerapan jualannya); Bahagian C (Anggaran Berat Emas Perhiasan iaitu pemilik diminta mengangkar berat emas (dalam gram) yang lazim dipakai pelanggan wanita mengikut dua kategori gaya: sederhana dan mewah); dan Bahagian D (Pandangan Terhadap Uruf dan Zakat Emas iaitu persepsi pemilik kedai mengenai tahap “uruf biasa”, “berlebihan (israf)” dan cadangan kadar uruf zakat emas).

Bagi memastikan kualiti dan kebolehpercayaan data kajian, penyelidik melaksanakan prosedur-prosedur berikut:

- i. Soal selidik diedarkan kepada pemilik kedai emas terpilih. Penerangan ringkas mengenai tujuan kajian diberikan untuk memastikan kefahaman dan kerjasama responden.
- ii. Soal selidik dijawab secara bersemuka bagi membolehkan penyelidik mendapatkan penjelasan lanjut dan mengesahkan ketepatan data.
- iii. Sepanjang tempoh kajian dijalankan, pemilik kedai emas turut hadir bersama beberapa orang pekerja wanita yang berkhidmat di kedai tersebut. Majoriti daripada mereka mempunyai pengalaman kerja melebihi lima belas tahun.
- iv. Pelaksanaan kajian dijalankan di premis kedai emas berkenaan untuk memastikan ketepatan maklumat.
- v. Pemilik kedai emas mendemonstrasikan secara langsung pelbagai contoh barangan emas perhiasan yang biasa dipakai oleh wanita dengan kepelbagaian jenis, reka bentuk dan berat timbangan.
- vi. Proses penimbangan berat emas dilakukan dengan menolak berat logam selain emas dan batu permata bagi memperoleh berat emas tulen yang tepat.
- vii. Data yang diperoleh disemak semula bersama pemilik kedai bagi memastikan konsistensi maklumat berat gram dan corak pemakaian.

Data dianalisis menggunakan Perisian SPSS versi 29.0. Analisis deskriptif digunakan untuk menerangkan corak dan taburan data melalui kekerapan dan peratusan bagi mengenal pasti jenis emas perhiasan paling dominan, min dan sisihan piawai bagi menentukan purata berat emas yang lazim dipakai dalam dua kategori gaya (sederhana dan mewah), Julat berat purata (gram) dikira bagi menentukan nilai ambang uruf setempat dan Perbandingan zon (bandar, pinggir bandar, pedalaman) dibuat untuk melihat variasi uruf antara kawasan.

Analisis kuantitatif ini memberikan gambaran empirikal terhadap pola pemakaian emas wanita Kelantan, seterusnya membantu pihak berautoriti agama membuat justifikasi ilmiah dalam menetapkan kadar uruf zakat.

4. Dapatan Kajian

Penyelidikan yang dijalankan di dua belas (12) buah kedai emas yang merangkumi sepuluh (10) jajahan di negeri Kelantan bertujuan memperoleh data mengenai berat gram emas perhiasan yang lazimnya dipakai oleh wanita semasa majlis-majlis keraian seperti majlis perkahwinan dan sambutan Hari Raya. Maklumat ini diperoleh berdasarkan pandangan dan pengalaman pemilik serta pekerja kedai emas yang terlibat secara langsung dalam industri perdagangan emas perhiasan melebihi sepuluh (10) tahun. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian memfokuskan kepada trend kecenderungan wanita dalam membeli atau memiliki emas perhiasan. Dua kategori pengayaan telah ditetapkan sebagai parameter kajian, iaitu gaya pertengahan dan gaya mewah dalam pembelian emas perhiasan.

4.1 Analisis Corak Pengayaan Mengikut Zon

Hasil analisis data menunjukkan bahawa pola atau uruf wanita dalam memakai emas perhiasan semasa majlis keraian menampilkan persamaan yang ketara antara tiga zon di negeri Kelantan. Ketiga-tiga zon tersebut ialah zon pusat bandar, zon bandar dan zon pinggir bandar, yang menunjukkan konsistensi dalam kedua-dua kategori gaya pertengahan dan gaya mewah.

4.2 Purata Berat Gram Emas Perhiasan dan Cadangan Had Penetapan Nisab Zakat Emas Perhiasan

Analisis terhadap data yang dikumpul menghasilkan dapatan berikut:


Jadual 1: Purata Emas Perhiasan Bagi Gaya Sederhana dan Gaya Mewah

Bil.	Tahap Gaya	Purata Gram
1	Gaya Pertengahan	232.3 gram
2	Gaya Mewah	472.75 gram
Purata Keseluruhan		352.54 gram

(Sumber: Penyelidik, 2025)

Jadual 2: Jumlah Berat Gram Emas Perhiasan Bagi Gaya Mewah

		Kekerapan	Peratus
Gram	301-350	2	16.7
	401-450	4	33.3
	451-500	3	25.0
	501-550	2	16.7
	701-750	1	8.3
	Jumlah Keseluruhan	12	100.0



(Sumber: Penyelidik, 2025)

Dapatan sebanyak 352.4 gram dalam jadual 1 adalah purata berat gram emas perhiasan dengan menggabungkan gaya sederhana dan gaya mewah. Purata berat gram ini. Manakala jadual 2 menunjukkan aras bagi uruf pemakaian emas perhiasan dengan 25% melebihi 500 gram.

Berdasarkan analisis data empirikal yang diperolehi, kajian ini mencadangkan penetapan aras 500 gram emas perhiasan sebagai had maksimum yang boleh dikategorikan sebagai keperluan biasa atau uruf tempatan. Penetapan ini bermaksud bahawa wanita yang memiliki sehingga 500 gram emas perhiasan masih belum tertakluk kepada kewajipan menunaikan zakat. Sebaliknya, kuantiti yang melebihi had tersebut, iaitu bermula daripada 501 gram, dikategorikan sebagai berlebihan (*israf*) yang termasuk dalam kategori hukum makruh atau haram menurut perspektif syariah Islam.

Pemilihan ambang 500 gram ini berdasarkan dua justifikasi utama yang berpandukan kepada prinsip-prinsip metodologi hukum Islam. Pertama, mengutamakan prinsip berhati-hati (*al-ihityat*) dalam penetapan hukum, yang merupakan pendekatan metodologi yang diutamakan dalam mazhab Syafie bagi mengelakkan sebarang keraguan (*syubhah*) dalam pelaksanaan kewajipan agama. Prinsip ini memastikan bahawa penetapan had uruf tidak terlalu tinggi sehingga menafikan kewajipan zakat, dan tidak terlalu rendah sehingga membebaskan wanita.

Kedua, penggunaan kaedah penyelidikan lapangan (*al-istiqrā'*) bagi menentukan tahap uruf tempatan yang berasaskan kepada kelaziman yang dominan (*ghalib al-zann*) dalam masyarakat setempat. Kaedah induktif ini membolehkan penetapan uruf berdasarkan realiti empirikal yang wujud dalam komuniti wanita Kelantan, bukannya berdasarkan andaian teoretikal semata-mata. Justeru, pertimbangan dalam menentukan tahap berlebihan (*israf*) yang mana para fuqaha menjatuhkan hukum haram atau makruh perlu dikeluarkan daripada sebarang keraguan metodologi. Penetapan had 500 gram ini menyeimbangkan antara keperluan uruf tempatan dengan kewajipan syariah, sekaligus memberikan kepastian hukum kepada para wanita muslim dalam menunaikan kewajipan zakat emas perhiasan mereka.

4.3 Had dan Limitasi Kajian

Perlu ditegaskan bahawa purata 500 gram yang diperolehi dalam kajian ini tidak boleh secara langsung dijadikan aras nisab muktamad bagi emas perhiasan tanpa kajian lanjutan yang lebih komprehensif. Penetapan nisab zakat emas perhiasan memerlukan pengumpulan maklumat

yang menyeluruh dan holistik, termasuk pelaksanaan soal selidik secara langsung dengan wanita di negeri Kelantan sebagai subjek utama kajian.

Kajian ini hanya melibatkan 12 kedai emas terpilih daripada jumlah keseluruhan 224 buah kedai emas yang beroperasi di seluruh negeri Kelantan. Oleh itu, dapatan kajian ini adalah maklumat sokongan dan rujukan awal bagi menyempurnakan keperluan kajian-kajian lain yang berkaitan dalam usaha menetapkan nisab yang tepat dan sesuai. Ketepuan data juga diperoleh di mana tiada maklumat baru yang diterima daripada responden kajian.

4.4 Implikasi Syariah dan Cadangan Pelaksanaan

Mengikut pendapat muftamad mazhab Syafie, pemilikan emas perhiasan yang melebihi had uruf tempatan wajib disucikan melalui pembayaran zakat. Kewajipan ini menjadikan penetapan nisab zakat emas perhiasan sebagai keperluan mendesak bagi menyempurnakan salah satu syarat asas kepada kewajipan zakat, iaitu pencapaian nisab yang ditetapkan.

Berdasarkan dapatan dan analisis kajian ini, adalah dicadangkan agar pihak berkuasa agama Islam, khususnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Jabatan Mufti Negeri Kelantan, menjalankan kajian yang lebih mendalam dan menyeluruh. Kajian lanjutan tersebut seharusnya merangkumi metodologi yang lebih komprehensif bagi menetapkan nisab zakat emas perhiasan yang sesuai dengan konteks sosio-ekonomi, budaya tempatan dan realiti semasa masyarakat di negeri Kelantan. Penetapan nisab yang tepat akan memudahkan pelaksanaan kewajipan zakat dalam kalangan wanita Muslim dan seterusnya meningkatkan kecekapan sistem kutipan zakat di peringkat negeri.

5. Asas Perbincangan Fiqh

5.1 Maksud Emas Perhiasan

Terminologi emas perhiasan terbentuk daripada gabungan dua konsep utama: emas dan perhiasan. Hal ini berbeza dengan penggunaan dalam literatur fiqh yang mengaplikasikan satu istilah khusus, iaitu *al-huliyy* (الخلي). Keseluruhan mazhab fiqh telah membahaskan konsep ini secara komprehensif sejak era pembentukan mazhab-mazhab tersebut, disebabkan kaitannya yang erat dengan kewajiban menunaikan zakat sebagai rukun keempat dalam Islam.

Istilah *al-Huliyy* merujuk kepada barangan perhiasan yang dihasilkan daripada emas mahupun perak, merangkumi pelbagai bentuk seperti cincin, gelang, rantai, kalung, dan bahkan kasut (Ibn Manzur, 1990; al-Nawawi, 1997; al-Mawardi, 1997; Zakaria al-Ansari, 2000). Walau bagaimanapun, dalam skop penyelidikan ini, perhiasan yang dibuat daripada perak tidak akan dibahaskan kerana ia bukan merupakan pilihan utama perhiasan dalam kalangan wanita Malaysia.

Sementara itu, perhiasan didefinisikan sebagai objek yang berfungsi sebagai hiasan untuk tujuan estetik dan kecantikan (Dewan Bahasa Perdana, 2020; al-Marbauwi, 1990). Berdasarkan konteks tersebut, emas perhiasan secara umum boleh difahami sebagai artifak kemas yang dihasilkan daripada emas, dicipta dengan reka bentuk dan ukiran khusus untuk memenuhi keperluan fesyen dan estetik wanita. Lazimnya, ia turut dihiasi dengan batu-batu berharga atau dicampurkan dengan logam-logam lain seperti perak, tembaga dan platinum untuk meningkatkan nilai estetik dan ketahanannya.

Manakala istilah “emas yang dipakai” merujuk kepada emas yang telah dijadikan pakaian di tubuh badan seperti cincin, rantai leher dan subang telinga. Jika perkataan “dipakai” sahaja tanpa dihubungkan dengan konteks tertentu, ia boleh membawa maksud kepada peri hal seperti “teguranku tidak sedikitpun dipakai” (Dewan Bahasa Perdana, 2020).

Dalam penggunaan bahasa masyarakat yang umum, *al-hulliy* disamaartikan dengan tiga istilah, iaitu “emas perhiasan”, “barang kemas” dan “emas yang dipakai”. Ketiga-tiga istilah

ini telah menjadi satu istilah yang telah digunakan terutama istilah emas yang dipakai dalam penulisan akademik. Sarjana-sarjana dalam jurnal-jurnal dan sebahagian majlis agama negeri telah menggunakan istilah emas yang pakai secara terus atau dalam pengikat kata seperti zakat emas (perhiasan).

Kajian awal pihak penyelidik mendapati masyarakat negeri Kelantan lebih mudah memahami istilah “emas perhiasan” atau “barang kemas” berbanding istilah “emas yang dipakai” yang masyhur di kalangan ahli akademik. Pemilihan istilah “emas yang dipakai” oleh ahli akademik adalah suatu padanan atau pasangan kepada istilah “emas yang disimpan” seperti dinar emas. Ia juga merujuk kepada kata nama perbuatan. Hal ini juga memudahkan pembahagian jenis emas yang dikenakan zakat iaitu “emas yang disimpan” dan “emas yang dipakai”. Di samping itu, asal zakat diwajibkan ke atas zakat yang telah dijadikan simpanan. Sehubungan itu, walaupun pada awalnya rantai leher dibeli dengan niat perhiasan untuk dipakai, tetapi telah ditukar niatnya kepada “disimpan”, maka zakat diwajibkan ke atas rantai leher tersebut.

Manakala istilah “emas perhiasan” adalah merujuk kepada perihal kepada maksud pengukiran emas dan juga pemakaian emas untuk tujuan kecantikan. Oleh yang demikian, tujuan yang dipakai emas tersebut bukan memakainya semata-mata, tetapi kerana menghiasi diri dengan kecantikan, kemolekan dan keindahan. Dalam rangkuman istilah ini, maksud-maksud “disimpan” telah diketepikan secara tidak langsung. Selagi mana ia tidak memalingkan niatnya daripada “perhiasan” kepada “disimpan”, maka zakat tidak dikenakan selagi tidak melebihi (*israf*) uruf setempat.

Kesimpulannya, istilah “emas perhiasan” lebih tepat dengan istilah bahasa Arab; *al-huliy*y yang telah digunakan secara mantap. Dalam kitab-kitab Jawi tidak ditemui istilah “emas yang dipakai”. Ia juga lebih mesra dengan masyarakat awam di negeri Kelantan dan mudah difahami, berbanding istilah “emas yang dipakai”. Walau bagaimanapun penggunaan kedua-dua istilah ini perlu dijelaskan skopnya bagi mengelakkan kekeliruan.

5.2 Maksud Pengayaan Emas Perhiasan Bagi Wanita

Kamus Dewan Perdana (2020) memberikan maksud “gaya” ialah sikap, kesukaan, ketaksukaan dan cara berkelakuan yang menjadi ciri seseorang. Istilah “pengayaan” pula diertikan sebagai perihal, usaha atau proses mengayakan, iaitu menunjukkan gaya, rupa, bentuk, corak dengan memperagakan sesuatu yang bersifat berharta, mewah, mempunyai dan berada. Manakala “penggayaan” merujuk kepada cara pengolahan, persembahan sesuatu, pembentukan atau pencorakan seperti penggayaan watak, tempat dan masa dengan persembahan yang baru.

Sehubungan itu, istilah “pengayaan” lebih tepat bagi menggambarkan trend wanita memilih, membeli dan memakai emas perhiasan sama ada cincin, gelang tangan dan kalung leher ketika menghadiri majlis-majlis keraian seperti kenduri kahwin dan hari raya. Wanita sangat cenderung menampilkan personaliti, status, dan citarasa estetikanya di hadapan orang ramai, khususnya dalam majlis-majlis tertentu.

Kajian ini membataskan dua tahap gaya sahaja, iaitu gaya sederhana atau pertengahan dan gaya mewah. Garis pembatas antara gaya sederhana dengan gaya mewah adalah dinilai kepada corak, reka bentuk tradisi, moden atau gabungan, saiz, jenis dan berat yang disesuaikan dengan tema dan tujuan majlis diadakan. Maklumat yang ingin dikumpulkan adalah berat gram emas perhiasan bagi tujuan mendapatkan aras nisab zakat emas perhiasan.

5.3 Hikmat Emas Perhiasan Bagi Wanita

Isu perhiasan emas bagi wanita dalam tradisi fiqh Islam merupakan salah satu topik yang telah dibincangkan secara mendalam oleh para fuqaha klasik. Perbincangan ini bukan sekadar

menyentuh aspek hukum semata-mata, tetapi turut melibatkan dimensi sosial, psikologi dan hikmah syarak yang lebih luas. Para ulama mazhab Shafie seperti Al-Nawawi (1997), al-Mawardi (1997) dan Zakaria al-Ansari (2000) menjelaskan;

لَأَنَّ الْمُفْتَضِيَّ لِإِبَاحَةِ الْخُلِيِّ هُنَّ هُوَ التَّزْيُّنُ لِلرِّجَالِ الْمُحَرِّكُ لِلشَّهْوَةِ الدَّاعِي لِكَثْرَةِ النَّسْلِ وَلَا زِينَةَ فِي مِثْلِ ذَلِكَ ...

Terjemahan: “*Sesungguhnya tujuan Islam mengharuskan emas perhiasan bagi wanita adalah kecantikan bagi lelaki untuk meningkatkan (keghairahan) syahwat bagi merangsang pertambahan zuriat. Tiada perhiasan lain sebanding dengannya...*”

Penyataan di atas menjelaskan hikmah di sebalik kebolehan wanita memakai perhiasan emas. Menurut mereka, tujuan utama keharusan ini adalah untuk tujuan berhias (*al-zinah*) yang pada dasarnya bertujuan memperkukuh institusi perkahwinan dan memelihara kelangsungan generasi. Hal yang demikian, membolehkan wanita tampil menarik di hadapan suami mereka, yang seterusnya dapat mengukuhkan hubungan suami isteri dan mendorong kepada pembiakan zuriat. Pandangan ini disokong oleh al-Mawardi yang menekankan bahawa perhiasan emas mempunyai kesan estetik yang unik berbanding dengan logam atau bahan lain.

Dari perspektif psikologi, penggunaan perhiasan emas memberikan kesan positif kepada keyakinan diri wanita. Aspek ini penting dalam konteks hubungan perkahwinan kerana ia membolehkan wanita merasa dihargai dan bermartabat. Keyakinan diri yang tinggi seterusnya akan mempengaruhi dinamik hubungan suami isteri secara positif. Manakala dalam konteks sosial pula, perhiasan emas berfungsi sebagai simbol status dan identiti dalam masyarakat tradisional. Ia bukan sekadar aksesori, tetapi merupakan sebahagian daripada warisan budaya dan tradisi yang diwariskan turun-temurun. Pengiktirafan Islam terhadap aspek ini menunjukkan fleksibiliti syarak dalam mengakomodasi keperluan sosial yang tidak bercanggah dengan prinsip asas agama.

Walaupun Islam membenarkan penggunaan perhiasan emas bagi wanita, terdapat beberapa batasan penting yang perlu dipatuhi. Pertama, penggunaan perhiasan hendaklah mematuhi hukum syarak, terutama bukan untuk menarik perhatian lelaki ajnabi yang boleh membawa kepada fitnah. Kedua, jumlah dan nilai perhiasan hendaklah bersesuaian dengan kemampuan ekonomi dan tidak membawa kepada pembaziran (*israf*) atau sikap riyak (Mohd Azhar, 2022).

5.4 Klasifikasi Emas Yang Diwajibkan Zakat

Persoalan zakat emas, khususnya perhiasan wanita, merupakan isu yang telah diperdebatkan secara mendalam dalam kalangan fuqaha. Perbincangan ini melibatkan pelbagai dimensi termasuk aspek hukum, sosial dan ekonomi yang memerlukan pendekatan yang teliti dan seimbang. Majoriti ulama dari mazhab Hanbali, Maliki dan pendapat yang muktamad dalam mazhab Shafie bersepakat bahawa emas perhiasan yang digunakan oleh wanita mengikut keperluan yang wajar tidak tertakluk kepada kewajipan zakat. Walau bagaimanapun, terdapat ijmak di kalangan fuqaha bahawa zakat diwajibkan ke atas penggunaan emas perhiasan yang diharamkan, seperti penggunaan untuk menampal mangkuk, kerana ia melanggar tujuan asal yang dibenarkan syarak (al-Zuhayli, 2006; al-Juzayri, 2012; *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 2007).

Logam emas yang dikenakan zakat boleh dikategorikan kepada dua jenis seperti di bawah;

Kategori Pertama: Emas Simpanan

Emas simpanan merujuk kepada emas yang dimiliki semata-mata untuk tujuan penyimpanan nilai, seperti dinar emas atau jongkong emas. Pemilikan jenis emas ini tidak bertujuan untuk dijadikan aksesori atau perhiasan. Terdapat konsensus (ijmak) di kalangan ulama bahawa kategori emas ini wajib dizakati apabila memenuhi tiga syarat: pemilikan yang sempurna, mencapai nisab 20 dinar (bersamaan 85 gram), dan genap tempoh setahun (*haul*) (al-Nawawi, 1997; Ibn Hajar al-Haythami, 1983; Shata, 1997; al-Zuhayli, 2006).

Kategori Kedua: Emas Perhiasan

Berdasarkan riwayat fuqaha terdahulu (*mutaqaddimin*) mazhab Shafie, termasuk al-Mawardi (1997), al-Bughawi (1997) dan al-Ruyani (2007), Imam al-Shafie mempunyai dua pandangan berbeza mengenai kewajipan zakat emas perhiasan yang diharuskan untuk wanita sebagaimana di bawah;

Pandangan Pertama: (*Qaul Qadim*)

Pendapat Lama (*Qaul Qadim*) Imam al-Shafie tidak mewajibkan zakat emas perhiasan, walaupun melebihi uruf setempat. Pendapat ini selaras dengan pandangan beberapa sahabat seperti Ibn Umar r.a, Jabir Ibn Abdullah r.a. dan 'Aisyah r.a serta para tabiin termasuk al-Hasan al-Basri, Sa'id al-Musayyab dan al-Sha'bi.

Pandangan Kedua: (*Qaul Jadid*)

Pendapat Baharu (*Qaul Jadid*) Imam al-Shafie tidak dinyatakan secara eksplisit berkaitan kewajipan dizakati emas perhiasan yang melebihi uruf setempat. Namun, terdapat isyarat daripada ungkapan-ungkapan Imam al-Shafie secara tidak langsung bahawa zakat diwajibkan, sebagaimana dipegang oleh Umar Ibn al-Khattab r.a, Abdullah Ibn Amr al-'Ash r.a, Ibn Abbas r.a dan Ibn Mas'ud r.a (al-Syafie, 1973; al-Mawardi, 1997).

Al-Nawawi (1997) telah melakukan kajian komprehensif terhadap pelbagai pendapat dalam mazhab Shafie. Beliau menyimpulkan bahawa penggunaan perhiasan emas dan perak yang diharamkan adalah wajib dizakati, manakala pemakaian emas perhiasan untuk tujuan yang diharuskan dikecualikan dari zakat menurut pendapat yang kuat (*asah*) dalam mazhab Shafie. Walau bagaimanapun, pengecualian ini bukanlah mutlak. Al-Nawawi menegaskan:

قال أصحابنا كل حلي أبيع للنساء فانما يباح إذا لم يكن فيه سرف ظاهر فان كان كلخلخال وزنه

مائتا دينار فالصحيح الذي قطع به معظم العراقيين تحريمه كذا نقله الرافعي وقال فيه وجه انه مباح

Terjemahan: “Ulama mazhab kami berpendapat bahawa setiap perhiasan yang diharuskan bagi wanita hanya dibenarkan selagi tidak melibatkan pembaziran yang ketara. Sekiranya berlebihan, seperti gelang kaki yang beratnya 200 dinar, maka pendapat yang sah yang diputuskan oleh majoriti ulama Iraq ialah pengharamannya, sebagaimana dinukilkan oleh al-Rafi'i. Terdapat satu pendapat lain yang mengatakan ia tetap diharuskan.”

Al-Qaradhawi (2011) dan al-Zuhayli (2006) menyokong pandangan bahawa emas perhiasan wanita tidak wajib dizakati. Namun, pengecualian ini adalah tertakluk kepada dua syarat di bawah;

- i). Emas perhiasan tidak dijadikan aset simpanan. Sekiranya emas perhiasan dimiliki sebagai pelaburan dan bukan untuk tujuan berhias, maka ia telah bertukar status kepada emas simpanan.

- ii). Tidak melebihi uruf setempat. Emas perhiasan yang dimiliki mestilah dalam kadar yang munasabah mengikut uruf masyarakat setempat.

Isu zakat emas perhiasan memerlukan pendekatan yang seimbang antara memelihara keperluan asas wanita untuk berhias dan memastikan keadilan dalam sistem zakat. Pandangan yang diterima pakai dalam mazhab Shafie memberikan fleksibiliti dengan menetapkan had yang munasabah berdasarkan uruf masyarakat setempat, sambil tetap mengekalkan prinsip asas bahawa kelebihan yang melampau adalah tertakluk kepada zakat.

5.6 Ketidakterseragaman Nisab Zakat Emas Perhiasan di Malaysia

Dalam konteks pentadbiran zakat di Malaysia, dua belas buah negeri telah menetapkan nisab zakat emas perhiasan sejak tahun 2008 berdasarkan kajian kuantitatif yang dijalankan. Negeri Kelantan merupakan satu-satunya negeri yang belum mewartakan nisab zakat emas perhiasan secara rasmi sehingga Ogos 2025 (Muhsin, 2014; Muhammad Norshah, 2019; Shukri, 2023). Cadangan penyeragaman ini telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana, bahkan pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Muhammad Norshah Rosle et al. 2019).

Perbezaan penetapan nisab zakat emas perhiasan antara negeri-negeri di Malaysia dapat dirujuk kepada jadual di bawah;

Jadual 3: Kadar Urus Zakat Emas Perhiasan Negeri-Negeri Di Malaysia

Bil	Zon	Negeri	Nisab Zakat Emas Perhiasan (Gram)
1	Barat	Selangor	800
2		Wilayah Persekutuan	800
3	Selatan	Negeri Sembilan	200
4		Melaka	200
5		Johor	425
6	Utara	Kedah	170
7		Perlis	85
8		Pulau Pinang	250
9		Perak	500
10	Timur	Kelantan	Tiada (dalam kajian)
11		Terengganu	850
12		Pahang	500
13	Malaysia	Sabah	152
14	Timur	Sarawak	90

(Sumber: Penulis, 2025; Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abdul Rahman, Muhammad Ikhlas Rosele, 2018)

Berdasarkan jadual di atas, menunjukkan kadar uruf bagi nisab emas perhiasan antara negeri-negeri tidak seragam. Perbezaan sangat ketara dengan kadar terendah adalah 85 gram dan tertinggi adalah 850 gram. Jarak perbezaan antara negeri-negeri sangat ketara, sehingga mencapai berat 765 gram.

Sebagai contoh, seorang wanita memiliki 500gram emas perhiasan dan bekerja di Selangor tetapi menetap di Negeri Sembilan. Sekiranya beliau memilih untuk membuat pertanyaan di kaunter zakat Majlis Agama Islam Selangor, beliau tidak dikenakan zakat kerana

nisab yang ditetapkan ialah 800 gram. Walau bagaimanapun, sekiranya beliau membuat pertanyaan kepada pegawai agama Islam di Negeri Sembilan, beliau dikenakan zakat kerana nisab yang ditetapkan ialah 200 gram. Zakat yang wajib dikeluarkan adalah berdasarkan lebih daripada nisab, iaitu 300 gram (500 gram - 200 gram). Berdasarkan purata harga emas semasa pada tahun 2025 iaitu RM340 setiap gram, jumlah zakat yang perlu dibayar ialah RM102,000 (Ringgit Malaysia: Seratus Dua Ribu). Situasi ini menyebabkan sesetengah wanita menghadapi dilema dalam menunaikan kewajipan zakat ke atas emas perhiasan yang dimiliki.

Manakala negeri Kelantan tidak menetapkan nisab zakat emas perhiasan hingga kajian ini dijalankan. SS Dato' Kaya Perba Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan (2022) menjelaskan kedudukan tersebut;

“Kelantan belum memutuskan kewajipan zakat emas perhiasan disebabkan hal ini termasuk perkara khilaf yang diperluaskan bagi umat Islam. Namun, pihaknya menyarankan kaum wanita yang mempunyai emas perhiasan yang melebihi daripada kelazimannya agar membayar zakat emas perhiasan sebagai langkah ihtiyat (berhati-hati) sahaja. Pihak kami telah mencadangkan kepada pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) bagi menjalankan kajian akademik yang komprehensif di seluruh negeri Kelantan bagi menetapkan kadar uruf bagi nisab zakatnya dalam masa terdekat”

Kenyataan SS Mufti Kelantan di atas memberikan gambaran bahawa langkah-langkah menetapkan nisab zakat perhiasan bagi negeri Kelantan telah diambil. Kadar nisabnya akan ditetapkan setelah kajian uruf pemakaian emas perhiasan golongan wanita disempurnakan.

Secara bertahap, kadar uruf bagi nisab zakat perhiasan di Malaysia dapat diklasifikasikan kepada lima tahap di bawah;

Jadual 4: Tahap Nisab Zakat Emas Perhiasan Di Malaysia

Bil.	Tahap	Nisab (Gram)	Negeri
1	Sangat Rendah	Bawah 100-149 gram	Perlis, Sabah dan Sarawak
2	Rendah	150 gram – 249 gram	Kedah, Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan
3	Sederhana	250 gram – 499 gram	Johor
4	Tinggi	500 – 699 gram	Perak dan Pahang
5	Sangat Tinggi	700 gram ke atas	Selangor, Wilayah Persekutuan dan Terengganu.

(Sumber: Penulis, 2025)

Ketidakseragaman nisab yang mencapai dispariti sehingga 700 peratus, iaitu dari 100 gram hingga 800 gram. Kedudukan ini boleh menimbulkan cabaran pentadbiran dalam konteks semasa. Keadaan ini menyebabkan wanita yang memiliki kuantiti emas perhiasan yang sama menghadapi kewajipan zakat yang berbeza berdasarkan lokasi kediaman masing-masing. Dalam konteks Malaysia kontemporari yang dicirikan oleh mobiliti tinggi penduduk merentas negeri bagi tujuan pekerjaan dan pendidikan, ketidakseragaman nisab menimbulkan isu jurisdiksi yang memerlukan perhatian.

Situasi ini berpotensi mengelirukan dalam menentukan kewajipan zakat yang sepatutnya, sekali gus memerlukan penjelasan yang lebih jelas mengenai penetapan nisab yang berkenaan. Sekalipun setiap negeri menikmati autonomi dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam sebagaimana yang termaktub dalam Jadual 9 Senarai II, Perlembagaan Persekutuan, ketidakseragaman nisab ini dapat diselaraskan melalui pelaksanaan metodologi kajian empirikal yang berstandard dan konsisten di peringkat kebangsaan.

6. Perbincangan

6.1 Objektif Kajian Lapangan di Kedai Emas Negeri Kelantan

Negeri Kelantan terkenal dengan tradisi pemakaian perhiasan emas dalam kalangan wanita tempatan. Fenomena ini dapat diperhatikan dengan jelas di pelbagai lokasi, terutamanya dalam kalangan peniaga wanita di pusat-pusat perniagaan utama di setiap jajahan. Minat yang mendalam terhadap perhiasan emas ini telah menyumbang kepada perkembangan pesat industri perhiasan emas, sehingga setiap daerah di negeri Kelantan mempunyai sekurang-kurangnya satu kedai emas.

Kajian ini dijalankan dengan dua objektif utama:

- i). Memperoleh perspektif peniaga perhiasan emas mengenai corak dan norma pemakaian perhiasan emas dalam kalangan wanita, khususnya berkaitan jenis dan berat perhiasan yang lazim dipakai semasa keluar rumah, terutama dalam majlis-majlis keraian seperti kenduri kahwin dan sambutan hari raya.
- ii). Mengkaji kecenderungan pembelian dan pemakaian perhiasan emas berdasarkan dua kategori gaya hidup, iaitu gaya perhiasan sederhana dan gaya perhiasan mewah. Perbandingan kedua-dua kategori ini bertujuan menggambarkan spektrum uruf pemakaian perhiasan emas dalam kalangan wanita Kelantan.

Pencapaian kedua-dua objektif ini akan membolehkan penyelidik menetapkan nisab zakat perhiasan emas berdasarkan dua perspektif yang berbeza, iaitu;

- i). Perspektif Pemilikan: Mengkaji jumlah keseluruhan perhiasan emas yang dimiliki oleh seorang wanita.
- ii). Perspektif Pemakaian: Menganalisis berat perhiasan emas yang lazim dipakai pada satu-satu masa tertentu.

Pendekatan dwi-dimensi ini penting untuk memastikan penetapan nisab zakat yang adil dan bersesuaian dengan realiti sosial masyarakat Kelantan, di samping memelihara keperluan adat dan budaya tempatan yang telah sebatikan dengan identiti wanita Melayu Kelantan.

6.2 Jumlah Kedai Emas di Negeri Kelantan

Jadual di bawah ialah jumlah kedai-kedai emas berlesen yang telah diberikan oleh bahagian pelesenan di sepuluh (10) buah jajahan yang dikaji.

Jadual 5: Kedai Emas Milik Orang Islam Dan Bukan Islam Di Negeri Kelantan

Zon	Jajahan	Kedai Emas Milik Orang Islam	Kedai Emas Milik Bukan Islam	Jumlah
Pusat Bandar	Kota Bharu	66	11	77
Bandar	Pasir Mas	13	1	14
	Tumpat	23	5	28
	Tanah Merah	9	6	15
	Machang	7	2	9
	Pasir Puteh	9	7	16
	Bachok	29	1	30
Pinggir Bandar/ Pedalaman	Kuala Krai	17	3	20
	Gua Musang	9	3	12
	Jeli	3	Tiada	3
JUMLAH		185	39	224

(Sumber: Penyelidik dan Bahagian Pelesenan, Majlis Daerah Di 10 Buah Jajahan Negeri Kelantan, 2024)

Data kajian menunjukkan bahawa industri emas perhiasan di negeri Kelantan yang menyeluruh, dengan kesemua sepuluh jajahan kajian mempunyai sekurang-kurangnya satu kedai emas yang beroperasi. Fenomena ini mencerminkan tahap minat yang tinggi dalam kalangan wanita tempatan terhadap perhiasan emas, yang seterusnya mewujudkan peluang perniagaan yang menguntungkan dalam sektor ini. Kehadiran kedai emas di kesemua jajahan menunjukkan bahawa permintaan terhadap perhiasan emas adalah fenomena universal dalam masyarakat Kelantan, tidak terbatas kepada kawasan bandar sahaja.

Kajian mendapati sejumlah 224 buah kedai emas beroperasi di sepuluh jajahan yang dikaji. Analisis komposisi pemilikan menunjukkan corak yang menarik dari segi taburan mengikut latar belakang agama pemilik. Sebanyak 185 kedai atau 81.8% dimiliki oleh pemilik beragama Islam, manakala 39 kedai atau 18.1% dimiliki oleh pemilik bukan Islam. Taburan ini menggambarkan korelasi yang signifikan dengan komposisi demografik negeri Kelantan, di mana 96.7% penduduknya terdiri daripada bumiputera. Dominasi pemilik muslim dalam industri ini mencerminkan penyerapan peluang ekonomi yang baik dalam kalangan masyarakat tempatan.

Dari sudut sebaran geografi, terdapat dua jajahan yang menunjukkan konsentrasi yang ketara bagi kedai emas milik bukan Islam. Jajahan Pasir Puteh mencatatkan 7 kedai atau 43.6% daripada jumlah kedai di jajahan tersebut, diikuti oleh jajahan Tanah Merah dengan 6 kedai atau 40.0%. Sebaliknya, jajahan Jeli mencatatkan situasi yang unik dengan ketiadaan sepenuhnya kedai emas milik bukan Islam. Perbezaan ini menunjukkan variasi dalam corak penempatan dan aktiviti ekonomi komuniti bukan Islam di negeri Kelantan.

Perbezaan jelas wujud antara kawasan bandar dan pedalaman, dengan jajahan Bachok (29 kedai) dan Tumpat (23 kedai) mendominasi zon bandar, manakala Kuala Krai (17 kedai) mengetuai zon pedalaman. Corak ini mencerminkan variasi daya beli dan kepadatan penduduk antara kedua-dua zon.

Secara keseluruhan, penyertaan pelbagai komuniti dalam industri ini menunjukkan integrasi ekonomi yang sihat dan membuktikan bahawa emas perhiasan telah menjadi sebahagian integral ekonomi Kelantan. Dapatan ini memberikan asas kukuh untuk kajian lanjut mengenai penetapan nisab zakat yang sesuai dengan realiti tempatan.

6.3 Demografi Kajian

Bahagian ini membincangkan latar belakang 12 buah kedai emas di negeri Kelantan sebagai landasan dapatan-dapatan kajian dalam fasal ini.

6.3.1 Lokasi Kajian Di Kedai Emas Di Setiap Jajahan Negeri Kelantan

Jadual 6: Lokasi Kajian Kedai Emas Di Jajahan Negeri Kelantan

	Kekerapan	Peratus
Kota Bharu	3	25.0
Pasir Mas	1	8.3
Machang	1	8.3
Kuala Krai	1	8.3
Tanah Merah	1	8.3
Jeli	1	8.3
Gua Musang	1	8.3
Tumpat	1	8.3
Bachok	1	8.3
Pasir Puteh	1	8.3
Jumlah Keseluruhan	12	100.0

Data menunjukkan bahawa 25% daripada sampel kajian tertumpu di Kota Bharu sebagai pusat kajian utama. Pemilihan kedai emas di Kota Bharu dilakukan berdasarkan pemerhatian sistematik penyelidik terhadap corak pembelian wanita, standard operasi kedai serta profil pelanggan yang berkunjung. Metodologi penyelidikan mengklasifikasikan kedai emas kepada tiga kategori berdasarkan standard perkhidmatan: kategori awam, kategori sederhana dan kategori mewah. Analisis awal menunjukkan bahawa setiap kategori kedai tersebut berkorelasi secara signifikan dengan tahap gaya hidup dan corak pemakaian perhiasan emas dalam kalangan pelanggan masing-masing.

6.3.2 Jumlah Tahun Pelibatan Dalam Perniagaan Emas Perhiasan

Jadual 7: Tahun Pengalaman Kerja

	Kekerapan	Peratus
16-25 Tahun	5	41.6
26-35 Tahun	3	25
36 Tahun Dan Ke Atas	4	33.3
Jumlah Keseluruhan	12	100.0

Analisis data menunjukkan taburan pengalaman perniagaan yang pelbagai dalam kalangan responden kajian. Sebanyak 41% atau lima buah kedai telah beroperasi selama 16 hingga 25 tahun, manakala 25% atau tiga buah kedai mempunyai pengalaman antara 26 hingga 35 tahun. Selebihnya, iaitu 33.3% atau empat buah kedai telah menjalankan perniagaan melebihi 36 tahun.

Profil pengalaman ini mencerminkan tahap kepakaran yang mendalam dan kemahiran yang telah teruji dalam industri emas perhiasan di negeri Kelantan. Keupayaan peniaga-peniaga ini untuk memahami evolusi citarasa dan kecenderungan wanita terhadap perhiasan emas terbukti melalui daya tahan perniagaan mereka, di mana 75% daripada kedai-kedai yang dikaji telah beroperasi lebih daripada 25 tahun. Kelangsungan perniagaan ini menunjukkan kemampuan mereka dalam menyesuaikan diri dengan perubahan trend dan keperluan pasaran sepanjang tempoh tersebut.

6.3.3 Anggaran Jualan Tahunan Emas Perhiasan

Jadual 8: Berapakah Anggaran Jualan Tahunan Emas Perhiasan

	Kekerapan	Peratus
Bawah RM 1 Juta	3	25.0
RM 1 - RM 5 Juta	7	58.3
RM 6 - RM 10 Juta	2	16.7
Jumlah Keseluruhan	12	100.0

Data dalam Jadual 4 memaparkan anggaran jualan tahunan emas perhiasan di negeri Kelantan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pemilik kedai. Perlu dinyatakan bahawa angka-angka ini merupakan anggaran umum sahaja kerana pemilik kedai agak keberatan memberikan data tepat atas alasan kerahsiaan strategi perniagaan. Taburan hasil jualan menunjukkan corak yang menarik: 25% atau tiga buah kedai mencatatkan jualan di bawah RM1 juta, 58.3% atau tujuh buah kedai memperoleh hasil antara RM1 juta hingga RM5.9 juta, manakala 16.7% atau dua buah kedai mencapai jualan melebihi RM6 juta.

Analisis geografi menunjukkan bahawa kedai-kedai dengan jualan di bawah RM1 juta tertumpu di zon pedalaman, khususnya di Gua Musang, Jeli dan Kuala Krai. Pemilik kedai di kawasan ini menyatakan bahawa majoriti pelanggan wanita cenderung membeli emas perhiasan di Kota Bharu yang menawarkan variasi produk yang lebih luas dan rekaan terkini. Fenomena ini mencerminkan cabaran persaingan yang dihadapi oleh peniaga di kawasan

pedalaman, yang terhad dari segi modal perniagaan dan akses kepada pasaran yang lebih dinamik berbanding dengan rakan mereka di pusat bandar.

6.3.4 Jenis Barang Emas Perhiasan Yang Dijual

Jadual 9: Jenis Barang Emas Perhiasan Yang Dijual Di Kedai Anda

	Kekerapan	Peratus
Cincin	12	100.0
Kerongsang	6	50.0
Rantai Leher	12	100.0
Rantai Kaki	12	100.0
Subang	12	100.0
Gelang/Rantai tangan	12	100.00
Loket	12	100.0
Pin Tudung	5	41.7
Jam Tangan	1	8.3

Hasil kajian menunjukkan bahawa produk emas perhiasan utama yang dipasarkan oleh kesemua kedai meliputi cincin, rantai leher, gelang tangan, rantai kaki, subang telinga dan loket untuk rantai leher. Sebaliknya, aksesori seperti kerongsang dan pin tudung tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan wanita di negeri Kelantan.

Suatu fenomena menarik ditemui di sebuah kedai emas di jajahan Machang yang memasarkan jam tangan bersadur emas pada bahagian-bahagian tertentu. Pemilik kedai tersebut melaporkan bahawa jam tangan emas mendapat respons positif dengan jualan sebanyak tiga hingga lima unit setiap tahun pada harga RM15,000 ke atas. Segmen pembeli utama terdiri daripada kalangan pendidik wanita. Perlu dimaklumkan bahawa jajahan Machang dikategorikan sebagai zon pinggir bandar dalam negeri Kelantan, terletak 25 kilometer dari pusat bandar Kota Bharu.

6.4 Uruf Pemakaian Emas Di Tubuh Seorang Wanita Ketika Majlis Keraian

Perbincangan dalam Bahagian C bertujuan mengkaji berat gram emas perhiasan yang lazim dipakai oleh wanita semasa menghadiri majlis-majlis istimewa seperti kenduri kahwin. Kajian ini meneliti dua kategori gaya hidup, iaitu gaya sederhana dan gaya mewah, untuk memahami variasi corak berdasarkan kecenderungan peribadi dan konteks sosial.

Analisis ini mempunyai kepentingan yang signifikan dalam memaparkan norma pemakaian perhiasan emas dalam kalangan wanita semasa majlis-majlis keraian seperti sambutan hari raya dan kenduri kahwin. Dalam konteks ini, wanita cenderung menampilkan koleksi perhiasan emas mereka yang tersimpan, termasuk cincin, rantai tangan, gelang, rantai leher, loket, subang dan rantai kaki.

Berdasarkan kepakaran kedai-kedai emas yang mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun, peniaga-peniaga ini berupaya membuat anggaran yang hampir tepat mengenai jenis emas, rekaan dan berat perhiasan yang dipakai oleh pelanggan. Penyelidik mengesahkan kebolehpercayaan data ini melalui penglibatan langsung selama empat bulan bersama pegawai-pegawai Ar Rahn dalam proses penimbangan emas milik wanita di sepuluh jajahan kajian.

6.4.1 Berat Emas Perhiasan Yang Dipakai Pada Tubuh Seorang Wanita Dalam Majlis Keraian Bagi Gaya Pertengahan Dan Gaya Mewah

Jadual 10: Berat Emas Perhiasan Yang Dipakai Dalam Majlis Keraian Bagi Gaya Pertengahan Dan Gaya Mewah

Zon	Jajahan	Gaya	Gaya	Julat
-----	---------	------	------	-------

		Pertengahan Gram	Mewah Gram	Perbezaan
Pusat Bandar	Kota Bharu 1	347 gram	701 gram	354 gram
	Kota Bharu 2	240 gram	469 gram	229 gram
	Kota Bharu 3	221 gram	434 gram	213 gram
Bandar	Pasir Mas	275 gram	486 gram	211 gram
	Tumpat	187 gram	429 gram	242 gram
	Tanah Merah	105 gram	348 gram	241 gram
	Machang	236 gram	544 gram	308 gram
	Pasir Puteh	341 gram	549 gram	208 gram
	Bachok (Jelawat)	174 gram	344 gram	170 gram
Pinggir Bandar/ Pedalaman	Kuala Krai	256 gram	479 gram	223 gram
	Gua Musang	170 gram	420 gram	250 gram
	Jeli	236 gram	470 gram	234 gram

Analisis data menunjukkan bahawa uruf pemakaian perhiasan emas dalam kalangan wanita semasa majlis keraian adalah relatif seragam di antara tiga zon di negeri Kelantan, iaitu zon pusat bandar, zon bandar dan zon pinggir bandar, bagi kedua-dua kategori gaya sederhana dan gaya mewah. Purata keseluruhan bagi kategori gaya sederhana ialah 232.3 gram, manakala purata bagi kategori gaya mewah ialah 472.75 gram. Apabila kedua-dua kategori digabungkan, purata keseluruhan mencapai 352.54 gram.

Berat minimum perhiasan emas dicatatkan di Tanah Merah dengan 105 gram bagi gaya sederhana dan 348 gram bagi gaya mewah, menunjukkan perbezaan sebanyak 241 gram antara kedua-dua kategori. Corak perbezaan yang signifikan ini konsisten dengan dapatan di jajahan-jajahan lain. Sebaliknya, berat maksimum dicatatkan di Kota Bharu dengan 347 gram bagi gaya sederhana dan 701 gram bagi gaya mewah, menunjukkan jurang yang lebih luas sebanyak 354 gram. Fenomena ini berkemungkinan besar disebabkan oleh tahap pendapatan yang lebih tinggi dan gaya hidup yang lebih mewah di kawasan pusat bandar.

Uruf atau norma pemakaian perhiasan emas semasa majlis keraian merupakan fenomena yang ketara dalam masyarakat Kelantan. Secara purata, wanita memakai perhiasan seberat 230 gram bagi gaya sederhana dan 470 gram bagi gaya mewah. Dalam konteks gaya sederhana, kombinasi biasa meliputi dua cincin, sepasang subang, dua rantai tangan, satu rantai leher dan satu loket dengan purata berat 230 gram dianggap sebagai norma yang wajar dan tidak berlebihan. Begitu juga bagi kategori gaya mewah, kombinasi yang terdiri daripada sepasang subang, tiga cincin, tiga gelang tangan, dua rantai leher dan satu loket dengan purata berat 450 gram diterima sebagai amalan yang tidak berlebihan dalam konteks masyarakat Kelantan.

6.4.2 Aras Emas Perhiasan Bagi Gaya Pertengahan Dan Gaya Mewah

Jadual 11: Jumlah Berat Gram Bersih Emas Perhiasan Bagi Wanita Yang Bergaya Mewah

		Kekerapan	Peratus
Gram	301-350	2	16.7
	401-450	4	33.3
	451-500	3	25.0
	501-550	2	16.7
	701-750	1	8.3
	Jumlah Keseluruhan	12	100.0

} 25%

Analisis data menunjukkan taburan aras pemakaian perhiasan emas seperti berikut: 16.7% di bawah 350 gram, 33.3% di bawah 450 gram, 25% di bawah 500 gram, 16.7% memiliki 501 gram, dan 8.3% melebihi 700 gram.

Dapatan signifikan menunjukkan bahawa sebanyak 83.3% wanita di negeri Kelantan memakai perhiasan emas dengan berat melebihi 400 gram semasa majlis keraian. Manakala 50% daripada responden memakai perhiasan emas seberat 450 gram ke atas. Berdasarkan analisis ini, aras 450 gram ditetapkan sebagai uruf yang lazim dan tidak dianggap berlebihan (*israf*) bagi pemakaian perhiasan emas. Penetapan ini mengambil kira nilai pertengahan antara kedua-dua kategori gaya, iaitu gaya sederhana dan gaya mewah.

Walau bagaimanapun, aras 450 gram ini menimbulkan persoalan dalam kalangan masyarakat di zon pedalaman seperti Jeli dan Gua Musang. Namun demikian, kajian mendapati bahawa di kawasan penempatan khusus seperti projek Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) di kawasan pedalaman, pemakaian perhiasan emas turut mencatatkan berat melebihi 450 gram.

Rumusan kajian menunjukkan bahawa 75% wanita memakai perhiasan emas di bawah 500 gram, manakala 25% memakai perhiasan melebihi 501 gram. Oleh itu, aras 501 gram ke atas boleh dianggap sebagai ambang yang berlebihan (*israf*) berbanding dengan uruf majoriti wanita di negeri Kelantan. Dapatan empirik daripada peniaga perhiasan emas yang terlibat secara langsung dalam transaksi dengan pelanggan wanita perlu dipertimbangkan secara mendalam dan komprehensif oleh pihak berkuasa agama Islam dalam menentukan asas penetapan nisab zakat perhiasan emas.

7. Kesimpulan

Penelitian terhadap dua belas (12) buah kedai emas terpilih di sepuluh jajahan dalam negeri Kelantan menghasilkan kesimpulan bahawa 500 gram perhiasan emas merupakan ambang uruf bagi lebihan (*israf*) dalam konteks negeri Kelantan. Berdasarkan prinsip fiqh mazhab Shafie yang muktamad, kelebihan ini dikategorikan sebagai makruh atau haram, yang memerlukan pensucian melalui kewajipan zakat. Justeru, penelitian ini mencadangkan bahawa kewajipan zakat perhiasan emas hendaklah dikenakan apabila berat mencapai atau melebihi 501 gram.

Penetapan ini disokong oleh bukti empirik yang menunjukkan bahawa tiga perempat daripada populasi wanita (75%) menggunakan perhiasan emas di bawah paras 500 gram, manakala hanya satu perempat (25%) yang memakai perhiasan melebihi 501 gram. Data ini mengesahkan bahawa tahap 501 gram ke atas memang melebihi amalan lazim dalam masyarakat Kelantan dan boleh diklasifikasikan sebagai berlebihan mengikut ukuran uruf setempat.

Industri perhiasan emas di Kelantan memainkan peranan penting dalam membentuk corak pembelian dan pemakaian dalam kalangan wanita tempatan. Setiap jajahan mempunyai sekurang-kurangnya satu kedai emas, dengan majoriti perniagaan ini merupakan warisan generasi yang telah beroperasi lebih daripada dua dekad dan mencatatkan jualan tahunan melebihi RM1 juta. Produk utama yang diminati ialah perhiasan emas 916 seperti cincin, subang, rantai leher, loket dan gelang tangan, manakala aksesori istimewa seperti kerongsang, pin tudung dan jam tangan lebih cenderung dipilih oleh segmen gaya hidup premium.

Fenomena pemakaian perhiasan emas semasa majlis keraian merupakan tradisi yang mengakar dalam budaya Kelantan. Analisis menunjukkan wanita memakai purata 230 gram bagi kategori gaya sederhana dan 470 gram bagi kategori gaya mewah. Dalam praktik kategori sederhana, kombinasi yang merangkumi dua cincin, sepasang subang, dua rantai tangan, satu rantai leher dan satu loket dengan jumlah berat 230 gram diterima sebagai norma yang wajar tanpa unsur keterlaluan. Sementara itu, kategori gaya mewah yang melibatkan sepasang subang, tiga cincin, tiga gelang tangan, dua rantai leher dan satu loket dengan purata berat 450 gram turut dianggap sebagai amalan yang tidak melampau dalam konteks sosio-budaya Kelantan.

Rujukan

- Al-Bughawi, Abu Muhammad al-Husain Bin Mas'ub Bin Muhammad. (1997). *Tahzib fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*. Tahqiq: 'Adil Muhammad 'Abd al-Mawjud. T. tempat: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah..
- Al-Juzayri Abd al-Rahman. (2012). *Al-Fiqh 'ala al-Mazhab al-'Arba'ah*. Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Al-Marbauwi, Muhammad Idris al-Marbauwi. (1990). *Kamus Al-Marbauwi*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah. (2007). Kuwait: Wazarah al-Awqaf wa al-Su'un al-Islamiyyah al-Kuwaitiyyah.
- Al-Mawardi. (1999). Abu al-Hasan bin 'Ali. *Al-Hawi al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi. (1997). *Al-Majmu' 'ala Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradhwai, Yusuf. (2011). *Fiqh al-Zakah*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Al-Ruyani, Abu al-Mahasin 'Abd al-Wahid. (2009). *Bahr al-Mazhab fi Furu' al-Mazhab al-Shafi'i*. Tahqiq: Tariq al-Fathi al-Sayyid. T. tempat: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shafie. (1973). *Al-Umm*. Cetakan Kedua. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Zuhayli. (2006). Wahbah. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Campbell, S., Greenwood, M., Prior, S., Shearer, T., Walkem, K., Young, S., ... & Walker, K. (2020). Purposive sampling: complex or simple? Research case examples. *Journal of Research in Nursing*, 25(8), 652-661.
- Creswell, J. W. (1994). *Research design: Qualitative and quantitative approach*. California: Sage.
- Creswell, J.W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J. W. (2013). *Steps in conducting a scholarly mixed methods study*. DigitalCommons@University of Nebraska – Lincoln.
- Fadilah Mat Nor, Teh Suhaila Tajuddin, Aza Shahnaz Azman. (2018). Kesedaran Dan Kepatuhan Wanita Terhadap Pembayaran Zakat Emas Perhiasan di Selangor. 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018) Palm Garden Hotel, 7 August 2018. H. 1-8.
- Halidan bin Md Daud. (2023). Pengurus Besar Pusat Kutipan Zakat Pahang. Temuramah di Pejabat Pusat Kutipan Zakat Pahang, jam 9.00 pagi pada 12 September 2023.
- Ibn Hajar al-Haythami. (1983). *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Kamus Dewan Perdana. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kumpulan Penyelidik UiTM. (2021). Kajian Zakat Emas Perhiasan Berdasarkan Uruf: Kajian Ke Atas Wanita Islam Negeri Pulau Pinang. <https://www.zakatpenang.com/penyelidikan/>. Carian: 8/8/2025.
- Malaysia Dateline. (2025). Orang Kelantan beli emas RM200 Juta sebulan. Roslan Zaman. 12 Mac 2025. <https://www.malaysiadateline.com/orang-kelantan-beli-emas-rm200-juta-sebulan/>. Carian; 8/8/2025.
- Mohd Awang, Idris, et al. (2021). Bias Dalam Penyelidikan Sains Sosial Penyelidikan. Petaling Jaya. Universiti Malaya.
- Mohd Azhar bin Abdullah. (2022). *Pedoman Pergaulan Antara Lelaki dan Perempuan*. Kota Bharu: Maahad Tahfiz Darul Huffaz.
- Muhammad Norshah Rosle, Mohd Ali Mohd Noor, Hairunnizam Wahid. (2019). Cadangan Penyerataan Ukuran Nisab Zakat Emas Perhiasan di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*. J. 17, Bil. 2. H. 309-332.
- Mohamad Shukri bin Mohamad. (2022). Temuramah. Mufti Kerajaan Negeri Kelantan dipejabatnya jam 9.00 pagi, pada 21 Mac 2022.
- Muhsin Nor Paizin. (2014). Zakat Ke Atas Harta Emas: Amalan Dan Pelaksanaan Di Malaysia. Vol. 8. Bil. 1. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. H. 43-60. <https://www.researchgate.net/publication/343501225>. Carian: 23 Nov. 2023.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Rahman, M. M., Tabash, M. I., Salamzadeh, A., Abdul, S., & Rahaman, M. S. (2022). Sampling techniques (probability) for quantitative social science researchers: a conceptual guidelines with examples. *Seeu Review*, 17(1), 42-51.
- Saufy Jauhary. (2022). *Kisah Pelayaran Abdullah Munsyi Ke Kelantan 27 Mac 1838*. Kuala Lumpur: Legasi Pemikir (LEKIR).
- Shafiqah, Shahawi Riduan. (2024). *Zakat al-Hulliy li Mar'ah*. T. tmpt.
- Shatha, al-Bakri al-Dimyati. (1997). *Hasyiyah I'annah al-Talibin 'ala Hall Alfaz Fath al-Mu'in*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Shatha, al-Bakri al-Dimyati. (1997). *Hasyiyah I'annah al-Talibin 'ala Hall Alfaz Fath al-Mu'in*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Sinar Harian. (2025). Emas Sampai Siku. Wanita Kelantan Otak Bisnes. https://www.sinarharian.com.my/article/255107/video/video-shorts/emas-sampai-siku-wanita-kelantan-otak-bisnes#google_vignette. 26 April 2023. Carian; 8/8/2025.

- Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abdul Rahman, Muhammad Ikhlas Rosele. (2018). Amalan Penentuan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Selangor. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. H. 89-100. Carian: 27/12/2023.
- Utusan Malaysia. (2025.a). Wanita Kelantan beli 500kg emas sebulan. 11 Mac 2025. <https://www.utusan.com.my/berita/2025/03/wanita-kelantan-beli-500kg-emas-sebulan/>. Carian; 8/8/2025.
- Utusan Malaysia. (2025.b). Wanita Kelantan tetap 'ligat' beli emas. 9 April 2025. <https://www.utusan.com.my/berita/2025/04/wanita-kelantan-tetap-ligat-beli-emas/>. Carian; 8/8/2025.
- W.A.Graham. (T.th). *1908 Kelantan, A State of the Malay Peninsula: A Handbook of Information*. Glasgow: James MacLehose and Sons.
- Zakaria al-Ansari. (2000). *Asna al-Matalib fi Shar Rawd al-Talib*. Tahqiq: Dr. Muhammad Muhammad Tamir. Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, Nor Azmi bin Musa. Mohamad Idris bin Ramli dan Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail. (2008). Uruf Pemakaian Emas Wanita Islam di Negeri Sembilan. *Kajin Penyelidikan*. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). <https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/46256ef9-f994-4c04-a128-75f9c2d46a4f>. Cariam: 8/8/2025.